



JURNAL LINGUISTIK Vol. 23 (2) Disember 2019 (092-109)

Analisis Representasi Sintaksis Pasif /*paʔ*/ Dialek Melayu Patani Berdasarkan Teori Role and Reference Grammar

Suhaila Binsamaae, Maslida Yusof & Kartini Abd. Wahab
suhaila426401@yahoo.com; maslida@ukm.edu.my; kartini@ukm.edu.my

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Tarikh terima : 30 Nov 2019
Received
Terima untuk diterbitkan : 3 Dis 2019
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 15 Dis 2019
Published online

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk menghurai representasi sintaksis bagi ayat pasif yang ditandai oleh bentuk pasif /*paʔ*/ dalam Dialek Melayu Patani (DMP), berdasarkan Teori Role And Reference Grammar (RRG). Data kajian dikumpulkan melalui teknik rakaman, teknik temu bual dan teknik pemerhatian. Seramai 10 orang informan yang merupakan penutur DMP jati di Patani, telah dipilih bagi tujuan pengumpulan data. Dalam DMP, ayat pasif dengan penanda /*paʔ*/ boleh hadir dengan /*di*/ dan /*koʔ*/ sebelum FN pelaku, dan boleh juga muncul di posisi hadapan ayat. Gambaran representasi ini ditunjukkan melalui struktur klausa yang mana dalam RRG, struktur klausa digambarkan melalui struktur berlapisan klausa (SBK) yang mengandungi unjuran konstituen dan operator. Struktur klausa ayat pasif dengan penanda /*paʔ*/ menunjukkan lapisan pertama iaitu lapisan paling dalam bagi klausa ialah nukleus yang berfungsi sebagai predikat ialah kata kerja pasif /*paʔ*/ yang menunjukkan aktiviti oleh pelaku (actor). Lapisan seterusnya, ialah inti (core) berfungsi sebagai argumen bagi predikat dalam ayat pasif /*paʔ*/ DMP. Akhirnya, lapisan paling luar bagi SBK dalam ayat pasif /*paʔ*/, ialah klausa yang mempunyai dua bahagian iaitu bahagian inti dan sipian. Sipian ialah unsur bukan argumen bagi predikat. Selain mengandungi komponen nukleus, inti dan sipian dalam SBK, SBK juga mengandungi slot- prainti (SPrl) dan slot pascainti (SPal) dalam ayat pasif /*paʔ*/ DMP di posisi dalam klausa tetapi di luar inti. Kesimpulannya, makalah ini telah menunjukkan struktur konstituen binaan pasif /*paʔ*/ DMP yang menunjukkan peranan aktor dan pengalami dalam binaan pasif. Kajian ini juga secara tidak langsung telah menyumbang kepada pendokumentasian bahasa Melayu di kawasan Selatan Thailand.

Kata Kunci: Pasif /*paʔ*/, Representasi Sintaksis, Struktur Klausa, Dialek Melayu Patani (DMP), Role and Reference Grammar (RRG)

Analysis of Syntactic Representation of Passive /*paʔ*/ in Patani Malay Dialect Based on Theory of Role and Reference Grammar

Abstract

*This paper aims to describe the syntactic representation for passive sentences marked by the passive /*paʔ*/ in Patani Malay Dialect (PMD), based on theory of Role and Reference Grammar (RRG). The data were collected through recording, interview and observation. A total of 10 informants, who are native PMD speakers in Patani, were selected for data collection. In the PMD, passive sentences with markers /*paʔ*/ can appear with /*di*/ and /*koʔ*/ before the actor and may also appear in the front of the sentence. This representation is represented by the structure of the clause where in RRG, it is represented by a layered structure of the clause*

(LCS) that contains constituent and operator projection. The structure of the passive sentence with the marker /*ɲɔ*/ indicates the first layer, the innermost layer of the clause is the nucleus that functions as a predicate which indicates the activity by the actor. The next layer is the core which function as an argument for the predicate in the passive sentence /*ɲɔ*/ in PMD. Finally, the outermost layer of LCS in the passive sentence /*ɲɔ*/, is a two-part clause, the core and the periphery. Periphery is the non-argument element of the predicate. In addition to the nucleus, core and periphery units of the SBK, LCS also contain the precore slots and the postcore slots in the passive sentence /*ɲɔ*/ in DMP in the clause but outside the core. In conclusion, this paper explains that the constituent structure of the passive construction of /*ɲɔ*/ in DMP by showing the role of the actors and the undergoer in the passive construction. The study also indirectly contributed to the documentation of the Malay language in the Southern region of Thailand.

Keywords: Passive /*ɲɔ*/, Syntactic Representation, Clause Structure, Patani Malay Dialect (DMP), Role and Reference Grammar (RRG)

1. Pengenalan

Dialek Melayu Patani (DMP) merupakan salah satu bahasa daerah yang dituturkan oleh penutur di Wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, dan sebahagian daripada Wilayah Senggora seperti Cenak, Sebayoi, Tiba dan Nathawi yang majoriti penduduknya beragama Islam dan keturunan Melayu. Menurut Ruslan Uthai (1993), sekitar 80-85 peratus penduduk yang tinggal di kawasan Patani menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari mereka. Berdasarkan kenyataan tersebut, maka bahasa Melayu Patani yang termasuk keluarga bahasa Austronesia (Ruslan Uthai, 1993) itu, dapat dianggap sebagai bahasa ibunda bagi penduduk Melayu di Patani, sebagaimana juga bahasa Melayu di Brunei yang dikatakan mencapai taraf bahasa ibunda kerana ia merupakan bahasa bagi 60 peratus penduduk (Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia, 1998:56 Dalam Islyas Mahyudin 2011).

Norizan binti Che Su (2018) menyatakan bahawa semua bahasa utama dunia mempunyai sistem tatabahasa tersendiri dan berbeza dari sudut linguistiknya yang berkaitan dengan sistem fonologi, morfologi dan sintaksis. Salah satu sistem bahasa yang dimaksudkan ialah perbezaan dari segi struktur sintaksis. Bidang sintaksis merupakan bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat (Nik Safiah Karim et al., 2013:339). Bidang sintaksis juga, mempengaruhi pembentukan ayat dalam ilmu linguistik bahasa Melayu. Menurut Ismail Dahaman (2016:5) pula, bidang sintaksis merupakan kajian mengenai jenis dan bentuk frasa serta aturan yang diperlukan dalam pembentukan ayat. Oleh hal yang demikian, pemahaman dalam bidang sintaksis iaitu struktur, binaan (konstruksi), konstituen (unsur), frasa, klausa, subjek, predikat dan objek serta susunan adalah perlu dalam memahami struktur binaan ayat.

Berkaitan dengan ragam ayat, Ramli Hj. Salleh (1995) menyatakan bahawa sistem ragam memiliki peranan dalam ayat yang berbeza khususnya ragam ayat pasif bahasa Melayu yang mempunyai beberapa jenis ayat pasif seperti pasif dengan imbuhan di-, ter- dan kena. Dalam tatabahasa, 'pasif' merujuk kepada bentuk kata kerja atau binaan sintaksis yang menekankan objek sebagai unsur yang diterangkan dalam ayat (Kartini, 2018). Menurut Kartini (2018) juga, konsep pasif yang menekankan pewujudan objek dalam ayat ini sejajar dengan pandangan Nik Safiah Karim et.al (2008), bahawa pasif ialah ayat yang kata kerjanya mengutamakan objek asal sebagai unsur yang diterangkan di hadapan ayat. Berhubung dengan ayat pasif bahasa Melayu, Nik Safiah Karim et al. (2013) membahagikan ayat pasif kepada ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif, ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kata ganti nama diri kedua dan ayat pasif dengan perkataan kena yang hadir sebelum kata kerja.

Dalam bahasa Melayu Patani juga, kajian tentang ayat pasif telah ada dilakukan. Kajian Paitoon Masmintra Chaianara (1983), kajian Manoong Laesoh (1990), dan kajian Kartini Wado (2003), adalah antara beberapa kajian yang dilakukan tentang binaan ayat pasif dalam DMP. Paitoon (1983), menjelaskan bahawa bentuk ayat pasif BMP terdiri daripada dua jenis ayat pasif jati dan ayat pasif semu, mempunyai penanda pasif seperti /*ɲɔ*/, /*di*/ dan /*kɔ*/, pengguguran /*le*/ atau 'oleh', dan mempunyai susunan kata bantu aspek yang mengandungi beberapa perbezaan susunan ayat pasif jati

dalam DMP dengan bahasa Melayu di Malaysia iaitu ayat pasif jati DMP mengandungi penanda pasif /*ɲɔ*/ sebelum kata kerja transitif dan mengandungi kata depan /*di*/, /*kɔ*/sebelum “objek”.

Kartini (2003), telah menyenaraikan ayat pasif DMP sebagai (1) bentuk dan jenis-jenis ayat serta dengan penggunaannya (2) jumlah penanda pasif /*ɲɔ*/, /*di*/, /*kɔ*/, /*tə*/, /*kənɔ*/ (3) penggunaan kata ganti diri pertama, dan kata ganti diri kedua dan (4) pengguguran kata “oleh”. Seterusnya rumusan kajian Manoong (1990) telah membicarakan persamaan dan perbezaan antara struktur ayat pasif DMP dengan struktur ayat pasif bahasa Melayu di Malaysia yang mempunyai tiga perbezaan yang berlaku iaitu (1) jumlah penanda pasif /*ɲɔ*/ ‘*di*’, /*tə*/ /*kənɔ*/, (2) penggunaan kata ganti diri pertama, *ku*- dan kedua, *kau*- dan (3) pengguguran /*ɛ*/ ‘*oleh*’ pada ayat yang bukan berpenanda pasif kata ganti diri pertama dan kedua. Maka, rumusan yang berbeza daripada ahli-ahli bahasa di Patani ini dari segi bentuk, penanda pasif, penggunaan KGD dan pengguguran kata “oleh” ini membuka ruang penyelidikan lain untuk meneliti struktur dan binaan ayat pasif DMP.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneliti representasi sintaksis pembentukan dan kewujudannya dalam ayat pasif /*ɲɔ*/ dan memperlihatkan struktur sintaksis pasif /*ɲɔ*/ DMP dengan menggunakan teori Role and Reference Grammar. Kajian ini juga membincangkan persoalan tentang struktur pasif dengan menganalisis representasi ayat pasif /*ɲɔ*/ DMP. Perbincangan akan menjelaskan isu dan permasalahan dalam analisis representasi sintaksis ayat pasif /*ɲɔ*/ DMP yang terawal. Seterusnya, perbincangan ini, akan menunjukkan bagaimana kerangka RRG boleh menangani permasalahan tersebut dan terdapat beberapa pembaharuan yang diperkenalkan dalam RRG.

Permasalahan Kajian

Dialek Melayu Patani (DMP) tergolong dalam kelompok bahasa minoriti dan ia dituturkan oleh kaum pribumi Melayu yang beragama Islam yang menetap di lima Wilayah Selatan Thai iaitu Wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Satun dan sesetengah kawasan di Bangkok (Luangthongkum 2008, Worawit 2005, Phaitoon 2005 Dalam Hayati Lateh & Zaharani Ahmad, 2014). Dialek Melayu Patani (DMP) merupakan salah satu bahasa yang digunakan sebagai bahasa perantara di Wilayah Pattani, Yala, Narathiwat. Kewajaran pemilihan lokasi tersebut adalah berdasarkan tanggapan bahawa DMP di tiga wilayah tersebut menerima pengaruh bahasa Thai paling sedikit berbanding bahasa Melayu yang digunakan di wilayah lain. DMP memiliki sistem bahasa yang berbeza dengan bahasa Melayu di Malaysia. Salah satu perbezaannya ialah ragam ayat pasifnya yang mempunyai konsep tersendiri. Sehubungan dengan itu, ayat pasif DMP mengutamakan objek sebagai judul, tidak mengandungi imbuhan pasif *di*-, *ter*-, penguguran kata “oleh”, mempunyai penegas /*ɲɔ*/, mengandungi kata preposisi /*di*/ dan /*kɔ*?/ sebelum pelaku. Berdasarkan kajian tentang struktur sintaksis ayat pasif DMP yang dilakukan oleh ahli-ahli bahasa Melayu di Patani menunjukkan bahawa DMP mempunyai perbezaan dari segi bentuk ayat, jumlah penanda pasif, penggunaan KGD dan pengguguran kata “oleh” (Paitoon 1983; Manoong 1990; Kartini 2003).

Salah satu penanda pasif DMP ialah pasif /*ɲɔ*/. Paitoon (1983), menyatakan struktur pasif /*ɲɔ*/ ini mengandungi penanda pasif /*ɲɔ*/ sebelum kata kerja transitif dan mengandungi kata depan *di*, *kɔ* sebelum objek. Menurut Manoong (1990), struktur pasif dengan penanda /*ɲɔ*/ ‘*di*’, /*tə*-/ ‘*ter*’, /*kənɔ*/ ‘*kena*’, /*ɛ*/ ‘*oleh*’ frasa nama boleh digugurkan secara pilihan untuk menghasilkan variasinya masing-masing. Menurut beliau ayat pasif DMP dilahirkan daripada struktur pasif FN, FN (S) –*nya* diisi *oleh* (Δ). Seterusnya, kata kerja yang berpenanda pasif /*ɲɔ*/ atau kata kerja *di*- akan memindahkan FN untuk mengisi “*oleh* (Δ)” dalam ayat tersebut. Berdasarkan hasil kajian Kartini (2003), secara umumnya DMP mempunyai struktur yang berlainan daripada ayat pasif bahasa Melayu Malaysia dari aspek bentuk dan jenis penanda pasif. Kartini (2003) merumuskan bahawa penanda pasif BMP terdiri daripada /*ɲɔ*/, /*di*/, /*kɔ*/, /*tə*-, /*kənɔ*/ serta pengguguran kata “oleh”.

Selain itu juga, hasil kajian yang pernah dilakukan oleh ahli-ahli bahasa tempatan seperti Paitoon (1983 dan Kartini (2003) terhadap binaan pasif DMP lebih bersifat kajian struktural, manakala hanya kajian oleh Manoong Laesoh (1990) sahaja yang menggunakan pendekatan

Transformasi Generatif. Walaupun begitu, penelitian kajian-kajian terdahulu ini menunjukkan masih ada menunjukkan kelompangan khususnya berkaitan dalam struktur sintaksis. Untuk mendalami sistem tata bahasa sesuatu bahasa adalah pertama-tamanya dengan memahami struktur sintaksis sesuatu bahasa. Sifat struktur sintaksis ini termasuklah mengenal pasti unsur-unsur seperti struktur klausa, frasa preposisi dan frasa nama (Maslida Yusof, 2015). Oleh itu, kajian ini menganalisis secara interaktif dari segi representasi sintaksis pasif DMP berdasarkan teori RRG. Bidang sintaksis sewajarnya diberi penelitian dan tumpuan dalam sesuatu kajian kerana sintaksis juga adalah satu aspek penting dalam bahasa dan berupaya mempengaruhi komunikasi sesuatu pengguna bahasa.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan adalah untuk menghuraikan dan membincangkan representasi sintaksis pasif /*pasif*/ DMP berdasarkan teori RRG. Usaha ini sekali gus bertujuan mendeskripsikan unsur-unsur komponen representasi sintaksis pasif /*pasif*/ DMP dengan mengenal pasti sifat struktur sintaksis iaitu termasuklah mengenal pasti unsur-unsur struktur klausa binaan pasif. /*pasif*/ DMP. Pemilihan DMP sebagai bahasa yang dikaji adalah disebabkan bahasa ini sedang mengalami pengaruh bahasa Thai yang sangat kuat. Hal ini merujuk kepada pengaruh yang tersebar melalui sistem pendidikan dan media massa pada hari ini di Patani. Natijahnya, DMP berkemungkinan akan dilupakan sekiranya tiada usaha yang dilakukan untuk mendokumentasikan kewujudannya.

2. Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian yang meneliti aspek representasi sintaksis dalam bahasa Melayu berdasarkan Teori RRG yang dianjurkan oleh Van Vallin (1997) dan Van Valin (2005). Antara kajian tersebut ialah Maslida Yusuf (2006, 2015), Norhazila Mohd Hamid (2009) dan Siti Izura Binti Jamaludin (2016). Kajian Maslida Yusof (2006, 2015), merupakan sebuah kajian bertajuk “Struktur Leksikal dalam sintaksis dan semantik: kajian terhadap kata kerja dan preposisi bahasa Melayu. Penelitian kajian beliau menjurus kepada aspek kata kerja dan preposisi bahasa Melayu dari sudut sintaksis dan semantik dengan menggunakan teori RRG. Hasil kajian beliau ini, telah berhasil menjelaskan dengan baik tentang peranan preposisi dalam struktur ayat bahasa Melayu yang dapat memberi gambaran baharu berkenaan dengan preposisi yang jelas dan berperanan dalam sesuatu representasi sintaksis menurut teori RRG.

Norhazila Mohd Hamid (2009), dalam kajian beliau yang bertajuk “Aspek Sintaksis bahasa Melayu satu analisis berdasarkan teori Tata bahasa Peranan dan Rujukan (Role and Reference Grammar)” terhadap bentuk binaan ayat tunggal dan ayat majmuk dalam bahasa Melayu menjelaskan bahawa representasi sintaksis mengikut RRG dimunculkan dalam struktur berlapisan klausa (SBK), yang mengandungi dua unjuran utama iaitu unjuran konstituen dan unjuran operator. Beliau juga turut mendapati bahawa SBK terbina daripada beberapa komponen utama iaitu nukleus, inti dan juga klausa. Manakala komponen sipian pula, dijelaskan sebagai komponen opsyenal dalam unjuran konstituen. Selain itu, kajian ini mendapati SBK ayat tunggal bahasa Melayu terdiri daripada komponen nukleus yang mengandungi predikat, inti pula mengandungi nukleus dan argumennya. Seterusnya, SBK dalam ayat majmuk mempunyai tiga jenis jungtur iaitu nukleus, inti, klausa dan akan membentuk ayat majmuk dan menentukan sama ada ayat itu mengandungi dua nukleus, dua inti ataupun dua klausa.

Selain itu, dapatan kajian oleh Siti Izura Binti Jamaludin (2016) pula, tentang struktur sintaksis dan semantik klausa relatif bahasa Melayu berdasarkan teori RRG. Klausa relatif dalam bahasa Melayu mempunyai struktur yang lebih kompleks sifatnya dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu klausa relatif jenis pascanominal, pronominal, internal dan tidak berkepala. Struktur bagi jenis-jenis klausa relatif ini dibezakan berdasarkan posisi inti kata nama dan klausa relatif dalam sesebuah konstituen ayat. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa klausa relatif boleh dibahagikan kepada kategori restriktif, bukan restriktif beriringan dan bukan restriktif berkesinambungan. Dalam kajian tersebut, mendapati struktur sintaksis klausa relatif terbina di bawah binaan kompleks jungtur inti-inti. Selain itu, argumen rujukan bersama bertindak dalam menandakan peranan teta dalam binaan klausa relatif. Menurut beliau, selain “yang”, terdapat juga penanda-penanda lain seperti sekiranya, *jika*, *andaikan* dan *untuk* juga boleh membawa fungsi relatif.

Kajian yang dilakukan oleh Norhaliza Mohd Hamid (2009) telah meneliti dan menerangkan struktur ayat majmuk dengan menggunakan pendekatan teori RRG. Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat tiga bahagian atau unit yang diperlukan dalam membentuk ayat majmuk iaitu nukleus, inti dan klausa. Pembentukan ayat ini tidak mengambil kira sama ada ayat tersebut mengandungi dua nukleus, dua inti ataupun dua klausa. Melalui kajian ini, dapat dibuktikan bahawa struktur binaan ayat tunggal dan ayat majmuk mempunyai perbezaan. Struktur ayat majmuk terhasil disebabkan kewujudan dua nukleus dalam struktur binaannya. Kedua-dua nukleus ini juga menjadi komponen kepada inti yang sama. Secara keseluruhannya, kajian Norhaliza ini menunjukkan bahawa templat-templat yang wujud dalam RRG boleh diaplikasikan ke dalam bahasa Melayu. Penelitian kajian beliau ini jelas membuktikan bahawa teori RRG dapat diaplikasikan dalam bahasa Melayu dan teori RRG ini juga bersifat universal.

Siti Izura Binti Jamaludin (2016), meneliti tentang struktur sintaksis semantik klausa relative bahasa Melayu: analisis dengan kerangka teori RRG. Dapatan kajian beliau ini, menunjukkan bahawa, klausa relatif dalam bahasa Melayu mempunyai struktur atau binaan yang lebih kompleks sifatnya. Klausa relatif bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu klausa relatif jenis pascanominal, pronominal, internal dan tidak berkepal. Struktur bagi jenis-jenis klausa relative ini dibezakan berdasarkan posisi inti kata nama dan klausa relatif dalam sesebuah konstituen ayat. Hasil kajian ini, klausa relatif boleh dibahagikan kepada kategori restriktif, bukan restriktif beriringan dan bukan restriktif berkesinambungan. Dalam RRG, struktur sintaksis klausa relatif terbina di bawah binaan kompleks jungtur inti-inti. Manakala argumen rujukan bersama bertindak dalam menandakan peranan teta dalam binaan klausa relatif. Kajian beliau juga, mencadangkan bahawa selain 'yang', terdapat juga penanda-penanda lain seperti *sekiranya*, *jika*, *andaikan*, dan *untuk* yang juga boleh membawa fungsi relatif.

Seterusnya, kajian yang dijalankan terhadap representasi sintaksis dalam bahasa lain seperti kajian seperti I Gusti Ngurah Mayan Susandhika et al. (2016), telah melakukan kajian untuk memahami fungsi, peranan dan kategori sintaksis bahasa Indonesia dengan menggunakan analisis teori RRG. Hasil daripada analisis telah menjelaskan bahawa fungsi sintaksis dalam bahasa Indonesia adalah meliputi subjek, predikat (inti) atau nukleus dan juga objek. Kategori subjek dan objek lazimnya diwakili oleh frasa nama, manakala kategori predikat (nukleus) adalah terdiri daripada frasa kata kerja atau kata adjektif. Dari aspek peranan pula menunjukkan bahawa subjek berperanan sebagai pelaku, objek sebagai pasien, dan predikat (nukleus) menggambarkan aktiviti atau keadaan.

Menurut beliau lagi, berdasarkan struktur ini, maka ayat boleh mengandungi lebih daripada satu klausa, lebih daripada satu inti dan juga lebih daripada satu nukleus untuk membentuk binaan kompleks dalam bahasa. Binaan kompleks boleh berlaku pada peringkat (*level*) klausa, peringkat inti dan peringkat nukleus. Peringkat di mana perkaitan berlaku (klausa, inti, nukleus) dirujuk sebagai peringkat bagi jungtur (*juncture*). Maka berdasarkan perkaitan ini, kita dapat memperoleh jungtur klausa apabila klausa bergabung, jungtur inti dan jungtur nukleus. Berdasarkan kerangka RRG, binaan ayat kompleks dijelaskan berdasarkan unit-unit yang terlibat dan hubungan antara unit-unit tersebut. Sebagaimana dengan kes ayat mudah, nukleus (predikat), inti (predikat + argumen) dan klausa (predikat+ argumen + bukan argument) mengkonstitute binaan blok utama dalam binaan kompleks.

Berdasarkan kosa ilmu yang telah dijelaskan, dapat dirumuskan a) bagaimanakah representasi sintaksis (peranan, fungsi dan kategori) yang terdapat dalam ayat pasif /*paʃ*/ DMP, b) bagaimanakah rajah pohon representasi sintaksis SBK yang terdapat pada ayat pasif /*paʃ*/ DMP. Secara umum, tujuan makalah ini, berhasrat untuk meluaskan lagi kajian sintaksis DMP di Patani dengan menggunakan pendekatan teori RRG. Secara khususnya kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis representasi sintaksis pasif /*paʃ*/ DMP dengan mendeskripsikan peranan, fungsi dan kategorinya melalui rajah pohon SBK ayat –ayat pasif /*paʃ*/ DMP.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan satu kajian lapangan yang melibatkan 10 orang informan yang terdiri daripada penutur jati DMP dan tidak menerima pengaruh Bahasa Thai (BT). Kawasan pengumpulan data diambil dari tiga wilayah iaitu Pattani, Yala, dan Narathiwat. Pilihan tiga wilayah ini berdasarkan tanggapan ketiga-tiga wilayah ini kurang dipengaruhi dengan bahasa Thai jika dibandingkan dengan DMP yang dituturkan di wilayah lain. Proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah rakaman, temu bual secara tidak formal dan teknik pemerhatian terhadap kehidupan responden. Data kemudiannya dianalisis menggunakan metod deskriptif kualitatif. Hasil dapatan kajian akan dibincangkan pada peringkat representasi sintaksis yang dikenali sebagai struktur berlapisan klausa (SBK) yang mengandungi unjuran konstituen bagi struktur berlapisan klausa terhadap ayat pasif berdasarkan kerangka teori RRG iaitu Role and Reference Grammar (RRG), yang diunjurkan oleh Van Valin dan LaPolla (1997) dan Van Valin, (2005).

Kerangka Teori Role and Reference Grammar (RRG)

Kajian ini dijalankan untuk menghuraikan representasi sintaksis dalam SBK ayat pasif /*n*/ (di-) DMP berdasarkan analisis teori Role and Reference Grammar (RRG) yang diperkenalkan oleh Van Valin dan LaPolla (1997) dan Van Valin (2005). Berdasarkan teori RRG, representasi sintaksis merupakan gambaran awal kepada bentuk sistem tatabahasa manusia, yang secara tidak langsung mempunyai perkaitan dengan aspek semantik dan pragmatik tatabahasa tersebut. Antara komponen yang terkandung dalam struktur sintaksis ini, ialah mengenal pasti unsur-unsur struktur klausa atau dikenali sebagai struktur berlapisan klausa (SBK).

Struktur berlapisan klausa dalam RRG bersifat monostrata dan bersifat universal. Walau bagaimanapun, klausa dalam RRG mengandungi dua unsur yang penting, iaitu struktur bersifat hubungan dan struktur bersifat bukan - hubungan. Menurut Van Valin & LaPolla (1997:21), struktur bersifat hubungan merujuk kepada perkaitan antara predikat dan argumen. Manakala, struktur bersifat bukan-hubungan merujuk kepada konstituen (iaitu frasa, klausa dan ayat) dalam ayat. Berdasarkan Teori RRG representasi sintaksisnya digambarkan dalam struktur berlapisan klausa (SBK) atau *layered structure of the clause* (LSC yang mengandungi dua komponen yang utama, iaitu unjuran konstituen dan unjuran operator.

Van Valin dan La Polla (1997:25), menjelaskan sebuah predikat mengacu pada elemen predikat iaitu kata kerja, kata sifat, atau kata benda. Predikat ini mendefinisikan sebuah unit sintaksis dalam struktur sebuah klausa yang dinamakan sebagai nukleus. Sebuah klausa terdiri atas dua elemen, iaitu pertama elemen predikat inti (*core*) yang mengandungi predikat dengan argumen dan yang kedua elemen sipian (*periphery*) yang merupakan elemen bukan argumen (Van Valin dan La Polla, 1997:25). Hal tersebut dikemukakan dalam jadual 1 di bawah.

Predikat	+ Argumen	Bukan Argumen
----------	-----------	---------------

Jadual 1: Pertentangan universal mendasari struktur klausa
(Sumber: Van Valin dan LaPolla, 1997:25)

Berdasarkan jadual 2 di bawah pula, elemen inti (*core*) merupakan elemen yang penting dalam sesebuah klausa kerana suatu klausa itu seharusnya mengandungi nukleus. Pada kebiasaannya, nukleus adalah terdiri daripada kata kerja (ada kalanya terdiri daripada golongan kata adjektif dan kata nominal lain) yang menjelaskan apa inti klausa tersebut. Elemen sipian (*periphery*) pula merupakan elemen pilihan (*optional*) yang dapat dihilangkan atau dikekalkan dalam sesebuah klausa


kerana elemen ini tidak memberi apa-apa pengaruh dari segi makna ayat (Van Valin dan LaPolla, 1997:26).

KLAUSA

INTI (CORE)	SIPIAN (Periphery)

Jadual 2 : Komponen-komponen bagi struktur berlapisan klausa (SBK)
(Sumber: Van Valin dan LaPolla, 1997:26)


Pavey, E (2010:60) telah menjelaskan mengenai struktur klausa asas yang digunakan dalam ayat bahasa Inggeris berdasarkan teori RRG. Struktur asas pada ayat ini dikenali sebagai templat sintaktik bahasa. Setiap templat boleh diisi dengan leksikal atau struktur bahasa ucapan tertentu. Templat ini juga boleh digabungkan menjadi ayat yang rumit dan tidak memerlukan kepada templat asas yang lain. Oleh hal yang demikian, pengguna hanya perlu memilih templat sintaktik yang bersesuaian dengan makna yang hendak disampaikan. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan contoh dalam rajah 1 bawah:



Rajah 1: Templat Sintaktik klausa dan Sipian dalam Bahasa Inggeris
(Sumber: Emma L.Pavey 2010: 61)


Van Valin (2005:4) telah menjelaskan bahawa klausa terdiri daripada beberapa frasa nama (FN) dan frasa preposisi (FP). Sebahagian daripadanya adalah argumen semantik kepada predikat, manakala sebahagiannya pula bukan argumen kepada predikat. Oleh itu, kedua-dua elemen ini perlulah dibezakan. Perbezaan ini akan diuraikan berdasarkan perbezaan kedudukan di antara inti dan sipian dalam klausa. Menurut Maslida (2015:24), pertentangan ini ditemui dalam semua bahasa, tanpa mengira sama ada bahasa itu mempunyai ciri-ciri seperti berkonfigurasi atau tidak, berpenandaan kepala atau penandaan kebergantungan, beraturan kata bebas atau aturan kata tetap dan sebagainya.

Selain itu, RRG daripada memberi tumpuan kepada nukleus, inti dan sipian, dalam SBK mempunyai slot pra inti (SPri) dan slot pasca-inti (SPaI). Kedua-dua unit ini berada dalam komponen klausa, tetapi di luar posisi inti. Rajah 2 yang berikut, menunjukkan gambaran keuniversalan SBK.




Rajah 2: Representasi Formal Bagi Struktur Berlapis Klausa
(Sumber: Van Valin dan LaPolla, 1997:31)

Rajah 3 pula menunjukkan bahasa Melayu yang mengandungi kesemua elemen dalam klausa seperti yang telah dibincangkan.



Rajah 3: Struktur Berlapis dalam Klausa Bahasa Melayu.
(Sumber: Maslida Yusof, 2015)

Elemen pertama, ayat di atas mengandung elemen posisi berasingan kiri (PBK) yang diwakili oleh abverba (semalam) dan slot pra-inti (SPri) yang diwakili dengan kata soal (apakah). Kedua-dua elemen ini, merupakan komponen klausa, tetapi berada di luar posisi inti. Selain itu, komponen ini juga mengandung unsur nukleus (kata kerja beri), inti mengandung elemen argumen dua argumen dan satu nukleus, dan pada elemen sipian mempunyai frasa preposisi (di perpustakaan). Secara keseluruhan elemen ini merupakan unit-unit yang membina struktur SBK ayat dalam rajah berkenaan.



Rajah 4: Perwakilan konstituen Bahasa Inggeris dalam ayat aktif dan pasif.
(Sumber: Pavey, E. 2011:157)

Rajah 4 menunjukkan struktur pembinaan aktif (di sebelah kiri) yang mempunyai dua argumen teras Peranan Makro iaitu Aktor (The child) dan Pengalami (the books), manakala pembinaan pasif (di sebelah kanan) hanya mempunyai satu argumen. Dalam pembinaan pasif bahasa Inggeris, pelaku (actor) muncul pada akhir ayat dan ditandakan dengan sipian "by" (oleh).

4. Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini memaparkan mengenai analisis bentuk-bentuk pasif /*paʃ*/ dalam DMP. Analisis dan perbincangan akan berpandukan teori RRG yang dipelopori oleh Van Valin dan La Polla (1995) dan Van Valin (2005).

Struktur Pasif /*paʃ*/ Dalama Dialek Melayu Patani

Dalam DMP, /*paʃ*/ merupakan penanda pasif. Ayat pasif dengan penanda /*paʃ*/ boleh hadir bersama kata /*di*/ dan /*koʔ*/ sebelum FN pelaku, muncul dengan pasif /*kenoʔ*/ selepas penanda pasif /*paʃ*/ dan pasif /*paʃ*/ hadir pada posisi hadapan ayat.

Ayat pasif /*paʃ*/ dengan kata preposisi /*di*/

Ayat pasif ini, mempunyai bentuk [FN2+/*paʃ*/+KKt+/*di*/+FN1(pelaku)+ Keterangan] contohnya seperti berikut;

- (1) a. /*duweʔ/paʃ aməʔ di anəʔ dʒatə bəpəʔ sikiʔ*/.
Duit diambil oleh anak lelaki banyak.
- b. /*kalu si'ka/paʃ čuʔi di ɔxə khə təruʔ lagi*/.
Kalau basikal dicuri oleh orang paling teruk lagi.

Contoh (1a-1b), mengandungi satu objek tepat, penanda pasif /*paʃ*/ yang berada sebelum kata kerja transitif, diikuti dengan kata /*di*/ sebelum FN (pelaku) dan seterusnya mempunyai juga keterangan pada akhir ayat. Kata /*di*/ dalam ayat pasif BMP ini, bukan imbuhan awalan kata kerja. Namun

demikian, binaan /di/+FN ini juga kedudukannya sama dengan binaan *oleh*+FN dalam ayat pasif BM di Malaysia. Dari segi makna semantik kata /di/ dalam ayat pasif BMP digunakan untuk menunjukkan hubungan pelaku dengan objek. Kehadiran kata /di/ dalam ayat pasif BMP boleh bersifat pilihan atau wajib yang dapat berada dalam kedudukan yang bebas atau tanpa kata /di/. Selain ayat pasif /*jo*/ dengan kata /di/ dalam contoh ayat (1a-1b), terdapat juga variasi ayat pasif /*jo*/ yang hadir tanpa kata sendi nama 'di' seperti dalam ayat berikut;

- 2 (a). /kuba/ *jo* *perɔ* waʔ *kəjɔ*/.*
Kuba ditenak untuk bekerja.
- (b) /dulu kuba/ *jo* *perɔ* *di* *kitɔ*/ *jo* *perɔ* waʔ *galɔ* waʔ *padi*/.
Dahulu kuba kita ternak, ditenak untuk buat gala dan buat padi.

Contoh ayat (2a.) pula, hanya mempunyai FN /kuba/ sebagai objek yang berada di hadapan ayat, diikuti dengan pasif /*jo*/ sebelum kata kerja transitif /*perɔ*/ 'pelihara' dan selepasnya tidak diikuti oleh preposisi atau kata /di/ dan tanpa kehadiran pelaku yang nyata. Dalam ayat yang tiada kata sendi nama /di/, dan tanpa kehadiran pelaku maksud yang hendak disampaikan menjadi tidak jelas, iaitu siapa yang /*perɔ*/. Namun begitu, kehadiran /di/ pada ayat (2b) membawa maksud yang lebih jelas iaitu "Dahulu kuba kita ternak, ditenak untuk buat gala dan buat padi."

Ayat pasif /*jo*/ dengan kata preposisi /*kɔʔ*/

Tiga variasi ayat pasif /*jo*/ dengan kata preposisi /*kɔʔ* iaitu variasi dengan binaan (FN1+ /*jo*/+ **KK transitif** +/*kɔʔ*/ + FN3+ FN2 + **Keterangan**) yang mengandungi kata kerja transitif yang memakai dua objek, iaitu objek tepat dan objek sipi pada contoh ayat (3a), variasi ayat dengan binaan (FN1+ /*jo*/+ **KK transitif** +FN2+ /*kɔʔ*/ + FN3+ FN2 + **Keterangan**) sebagaimana dalam contoh ayat (3b) FN2 berada selepas KK transitif dan variasi ayat dengan binaan (FN1+ /*jo*/+ **KK transitif** +FN2) pada contoh ayat (3c) hanya menggunakan satu objek tepat sebagai pelaku seperti /*Alif*/.

- 3 (a). /duiʔ *jo* taruh *kitɔ*/ *kɔʔ* *anɔʔ* tiyaʔ *havi*/.
Duit kita simpan untuk anak tiap hari.
- (b). /baju *jo* vi Mariyɔh/ *kɔʔ* *adəʔ* diyɔ *ikuʔ* *adəʔ* *nɔʔ*/.
Baju diberi oleh Mariyoh untuk adiknya ikut hendak.
- (c). /duʔeʔ/ *jo* *aməʔ* *kɔʔ* *Alif*/.
Duit diambil oleh Alif.

Ayat pasif /*jo*/ yang berada di hadapan ayat

Dalam konteks bahasa pertuturan atau lisan berdasarkan data yang dikutip daripada penutur jati BMP, penggunaan kata ganti nama orang ketiga dalam ayat pasif /*jo*/, didapati muncul dalam konteks bahasa lisan dengan tanpa pelaku yang tidak nyata contoh ayat (4a.). Sebenarnya walau tanpa kehadiran pelaku yang nyata tetapi dari segi konteks maknanya, bahawa masih mengandungi pelaku dalam ayat yang bersifat tidak nyata atau tersirat dikemukakan sebagai *pro* (*pro* kecil) menurut (Nomoto & Kartini 2016), iaitu elemen nominal yang berkaitan dengan kata ganti nama yang tidak memiliki realisasi fonetik yang nyata.


- 4 (a). /*jo* *maiʔ* *kɔʔ* *adəʔ* *yɔ* *barɛ*/ /Mariyɔh/.
Dimainkan adiknya barang Mariyoh.
- (b). /*jo* *naiʔ* *kɔʔ* *budɔʔ* *niŋ*/ *kəɛtɔ* *Tɔʔ* *Nɛbe* *Doloh*.
Dinaikkan budak ini, kereta Tok Nebang Doloh.

Representasi Sintaksis bagi ayat pasif /*ɲɔ*/ dalam DMP

Dalam binaan pasif, argumen yang bersifat aktif iaitu Aktor bukan lagi pilihan untuk berada di posisi *Privileged syntactic Argument* (Hak Argumen Sintaksis) sebagai subjek oleh sebab identitinya yang tidak diketahui atau mungkin posisi itu kurang relevan dalam komunikasi. Sebaliknya, pengalami iaitu argumen yang lebih ‘pasif’ dipilih untuk muncul sebagai subjek dan Aktor juga muncul dalam posisi yang kurang penting iaitu muncul dalam frasa preposisi (Fprep).

Representasi sintaksis penanda pasif /*ɲɔ*/ + kata sendi nama *di*


5. /*kəyusi tu ɲɔ doʔ di Maʔ*/.
Kerusi itu diduduk oleh Mat.



Rajah 5: SBK ayat pasif /*kəyusi tu ɲɔ doʔ di Maʔ*/.

Berdasarkan rajah 5, SBK dibahagikan kepada satu bahagian iaitu, bahagian yang mewakili unjuran konstituen. Pembinaan SBK pasif tersebut, hanya mempunyai satu argumen iaitu /*kəyusi tu*/ (kerusi itu) dan satu nuklues /*ɲɔ doʔ*/ (diduduk) sebagai kata kerja (predikat) yang menjelaskan tentang aktiviti atau perlakuan yang dilakukan oleh pelaku (actor) iaitu /*Maʔ*/ dan mempunyai sipian iaitu preposisi ‘/di/’ (oleh) sebelum pelaku. Sehubungan dengan itu, argumen /*kəyusi tu*/ sebagai pengalami yang menerima kesan daripada aktiviti dalam predikat iaitu /*ɲɔ doʔ*/. Manakala /*Maʔ*/ pula, sebagai pelaku (actor) yang melakukan aktiviti ‘duduk’. SBK DMP ini, mempunyai penandaan pasif /*ɲɔ*/ sebelum kata kerja dan kata /*di*/ (oleh) sebelum pelaku (actor).

6. /*duʷeʔ ɲɔ aməʔ di anəʔ dʒatə bəɲɔʔ sikiʔ*/.
Duit diambil oleh anak lelaki banyak.




Rajah 6: SBK ayat pasif /duwe? /ɲɔ amə? di anɔ? dzatɛ baɲɔ? siki?/.

Dalam rajah 6, /duwe?/ merupakan argumen dalam inti yang berperanan sebagai pengalami (undergoer) pada awal ayat. Melalui SBK tersebut juga, diperhatikan bahawa kata kerja /amə?/ (ambil) DMP berikutnya merupakan kata kerja yang ditandai oleh morfem /ɲɔ/ (di-) di hadapan kata kerja. Dalam hal ini, kata kerja /ɲɔ amə?/ (diambil) sebagai nuklues dalam inti yang menjelaskan aktiviti atau kelakuan oleh pelaku /anɔ? dzatɛ/ (anak lelaki). Demikian juga, dengan frasa preposisi (Fprep) /di/ (oleh) + FN /anɔ? dzatɛ/+ keterangan (/baɲɔ? siki?/), morfem /di/ bersamaan makna dengan kata *oleh* sebagai penandaan pasif DMP merupakan elemen yang optional yang diperlukan oleh predikat dalam ayat pasif DMP. Manakala FN /anɔ? dzatɛ/ (anak lelaki) pula berfungsi sebagai pelaku (actor) dalam ayat pasif DMP dan seterusnya diikuti dengan keterangan /baɲɔ? siki?/ (banyak).

7. /kalu 'sika/ ɲɔ tʃuɣi di ɔɣɛ kʰɔ təɣo? lagi/.

Kalau basikal dicuri oleh orang paling teruk lagi.



Rajah 7: SBK ayat pasif DMP /kalu'sika/ jɔʔ tʃuʔi di ɔʔɛ kʰɔ təʔoʔ lagi/.


Dalam SBK rajah 7, kata /kalu/ (kalau) bertindak sebagai slot prainti (Precore slot) pada awal ayat. Sehubungan dengan itu, kata /kalu/ (kalau) berfungsi sebagai kata hubung pancangan ringkasnya kata keterangan. Dalam SBK rajah 8, mempunyai satu argumen dalam inti iaitu /'sika/ (basikal) yang berfungsi sebagai pengalami dan diikuti juga dengan bahagian nukleus berfungsi sebagai kata kerja dalam predikat iaitu /jɔʔ curi/ (dicuri). Frasa preposisi iaitu frasa yang bukan argumen kepada predikat akan menduduki posisi sipian iaitu /di/ (oleh), /ɔʔɛ/ (orang) iaitu kata nama dalam Frasa preposisi yang berfungsi sebagai pelaku (aktor) dalam ayat pasif DMP. Seterusnya frasa /kʰɔ təʔoʔ lagi/ pada Fprep mendukung tugas untuk menonjolkan maksud yang terkandung dalam ayat. Kata /kʰɔ/ ialah kata penguat dalam BMP ia juga sama dengan kata penguat hadapan *paling* yang mendahului atau mengikuti frasa nama kata adjektif /təʔoʔ/ dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata atau frasa-frasa. Bagi, kata /lagi/ dalam Frasa preposisi ia berfungsi sebagai kata penegas berbentuk akar yang menekankan subjek atau predikat dalam ayat.

Representasi sintaksis penanda pasif /jɔʔ/ + kata preposisi /kɔʔ/

Dalam binaan ini, kata preposisi /kɔʔ/ juga membawa maksud 'oleh' dalam bahasa Melayu.


8. /duʔeʔ jɔʔ aməʔ kɔʔ Alif/.

Duit diambil oleh Alif.



Rajah 8: SBK ayat pasif DMP /duwe? ɲɔ amə? kə? Alif/.

9. /ike ɲɔ make kə? kutʃɪŋ/.
Ikan dimakan oleh kucing.




Rajah 9: SBK ayat pasif DMP /ike ɲɔ make kə? kutʃɪŋ/.

Berdasarkan rajah SBK 8 dan 9 di atas, struktur tersebut masing-masing mengandungi satu argumen di hadapan ayat iaitu /dui?/ (duit), /ike/ (ikan) dan inti atau nukleus, /ɲɔ amə?/ (diambil) dan /ɲɔ make/ (dimakan). Argumen /dui?/ (duit) dan argumen /ike/ (ikan) berfungsi sebagai objek di hadapan ayat pasif DMP berketogori kata nama, dan mempunyai peranan sebagai pengalami (undergoer). Dengan predikat /ɲɔ amə?/ (diambil) dan /ɲɔ make/ (dimakan) berfungsi sebagai inti atau nukleus dalam klausa. Sehubungan dengan itu, frasa preposisi /kə? Alif/ (oleh Alif) dan frasa /kə? kutʃɪŋ/ (oleh kucing) berperanan sebagai pelaku (actor) di bahagian sipian dalam ayat pasif

DMP. Sedangkan dengan kata kerja /*no aməʔ*/ (diambil) dan /*no makeʔ*/ (dimakan) dalam ayat pasif DMP ini, ia adalah untuk menggambarkan sebuah aktivitas yang dilakukan oleh pelaku (actor).

10. /*dʒaŋɛ adeʔ doʔ dəbe saŋaʔ no bəʔfi kəʔ ɔʎɛ*/.
Jangan adik menunjuk sangat, dibenci oleh orang.




Rajah 10: SBK ayat pasif DMP *dʒaŋɛ doʔ dəbe saŋaʔ no bəʔfi kəʔ ɔʎɛ* /.

SBK rajah 10, tersebut terdiri atas dua nukleus, satu argumen, slot prainti dan sipian. Slot pra-inti di depan ayat ialah kata /*dʒaŋɛ*/ (jangan), argumen /*dəʔ*/ (adik) berkategori kata nama yang berfungsi sebagai pelaku (actor) dalam klausa dan seterusnya mengandungi nukleus yang menjadi predikat /*doʔdəbe*/ (menunjuk) iaitu kata kerja aktiviti dan mempunyai kata penguat selepasnya. Pada nukleus kedua dalam klausa tersebut mengandungi hanya satu nukleus iaitu /*no bəʔfi* / (dibenci) iaitu kata kerja dan diikuti dengan unit bukan argumen (non predikat) iaitu frasa preposisi /*kəʔ ɔʎɛ*/ (oleh orang).


Representasi Sintaksis bentuk pasif /*no*/ yang berada di hadapan ayat

11. /*no məʔ kəʔ adəʔ jo bayɛ*/ /*marijɔh*/.
Dimainkan adiknya barang, Mariyoh.



Rajah 11: SBK ayat pasif DMP / $\eta\text{ɔ}$ məʔ kɔʔ ədəʔ jɔ bayɛ/ /Marijɔh/.

- 12 / $\eta\text{ɔ}$ naiʔ kɔʔ budɔʔ niŋ/ kəyɛtɔ tɔʔ nəbe dɔləh.
Dinaikkan budak ini, kereta Tok Nebang Doloh.



Rajah 12: SBK ayat pasif DMP / $\eta\text{ɔ}$ naiʔ kɔʔ budɔʔ niŋ/ kəyɛtɔ tɔʔ nəbe dɔləh.

Berdasarkan rajah SBK pada rajah 11 dan 12 dapat dilihat bahawa SBK terdiri atas satu nukleus dan dua argumen. Nukleus pada klausa tersebut adalah frasa kerja / $\eta\text{ɔ}$ maiʔ/ (dimainkan) dan / $\eta\text{ɔ}$ naiʔ/ (dinaikkan) yang berperanan sebagai aktiviti. Kata / $\eta\text{ɔ}$ / (di-) hadapan kata kerja ini sebagai penandaan pasif DMP. Manakala argumen pertama ialah frasa /kɔʔ budɔ budɔʔ niŋ/ (budak ini), /kɔʔ ədəʔ jɔ/

(adiknya), berperanan sebagai pelaku (actor). Sehubungan dengan itu, frasa /bəɛ/ (barang), /Mariyɔh/ (Mariah) dan frasa /kəɣetɔ tɔʔ nəbɛ dɔlɔh/ (kereta Tok Nebang Doloh) berperanan sebagai pengalami dalam ayat yang mengalami kesan daripada lakuan yang dilakukan oleh pelaku dalam ayat tersebut.

5. Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan unjuran konstituen bagi struktur berlapisan klausa (SBK) representasi komponen-komponen ayat pasif /*ɲɔ*/ dalam DMP mengikut teori RRG. Secara umumnya, teori RRG ini hanya bersifat selapis sahaja iaitu monostrata. Selain itu, RRG tidak melihat struktur dalaman, sebaliknya lebih melihat kepada struktur sebenar dan fungsinya dalam berkomunikasi. Unjuran konstituen bagi struktur berlapisan klausa (SBK) ini, merupakan representasi komponen-komponen ayat yang membentuk konstituen dalam ayat pasif /*ɲɔ*/ DMP.

Hasil analisis representasi sintaksis pasif /*ɲɔ*/ DMP berdasarkan SBK, menunjukkan hubungan berlapisan klausa bagi ayat tersebut terdiri daripada komponen inti, nukleus dan sipian. Komponen inti merupakan elemen yang penting dalam sesebuah klausa, komponen nukleus yang mengandungi predikat kata kerja /*ɲɔ*/ DMP, manakala komponen sipian pula merupakan unsur bukan argumen bagi predikat dalam klausa. Representasi pasif digambarkan melalui struktur berlapisan klausa iaitu lapisan pertama iaitu lapisan paling dalam klausa ialah nukleus yang berfungsi sebagai predikat iaitu kata kerja pasif /*ɲɔ*/ yang menunjukkan aktiviti dilakukan oleh pelaku (actor).

Lapisan seterusnya, ialah inti yang merupakan elemen yang penting dalam sesebuah klausa. Komponen inti ini juga, menduduki gatra nukleus sebagai argumen inti, iaitu berfungsi sebagai argumen bagi predikat dalam ayat pasif /*ɲɔ*/ DMP. Akhirnya, lapisan paling luar bagi SBK dalam ayat pasif /*ɲɔ*/ DMP, ialah klausa yang mempunyai dua bahagian iaitu bahagian inti dan sipian (periphery) sebagai unsur-unsur yang bukan argumen bagi predikat dalam klausa ia juga merupakan elemen pilihan (*optional*) yang dapat dihilangkan atau dikekalkan dalam sesebuah klausa kerana elemen ini tidak memberi apa-apa pengaruh dari segi makna ayat. Kategori sipian pula terdiri daripada kata /*di*/ (oleh) dan /*kɔ*/ (kepada).

Secara keseluruhannya, komponen-komponen bagi struktur berlapisan dalam ayat pasif /*ɲɔ*/ DMP mempunyai tiga unit penting iaitu nukleus, inti dan sipian selain mengandungi komponen nukleus, inti dan sipian dalam SBK tersebut, terdapat lapisan klausa yang mengandungi slot- prainti (SPrl) iaitu /*dʒaŋɛ*/ (jangan), /*kalu*/ (kalau) dan slot pascainti (SPal) dalam ayat pasif /*ɲɔ*/ DMP seperti kata /*di*/ (oleh) dan /*kɔ*/ (kepada) sebagai posisi dalam klausa di luar inti. Menurut RRG posisi SPrl dan Spal dianggap sebagai komponen bukan universal bagi SBK kerana ia adalah posisi yang tidak wajib hadir dalam ayat. Jika ia dihilangkan dalam sebuah kluasa, tidak menghilangkan makna erti klausa tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa teori RRG telah memberi satu perspektif baharu dalam menghuraikan representasi sintaksis ayat pasif /*ɲɔ*/ DMP.

Rujukan

- Abdul Hamid Mahmood. (2003). *Ayat Pasif Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Khair Mohd Nor. (2003). *Pengantar Sintaksis Bahasa Melayu (Tatabahasa: Ayat)*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Khair Mohd Nor (2011). *Persoalan Tatabahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Awang Sariyan. (2015). *Sintaksis Bahasa Melayu Bersumberkan Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- I Gusti Ngurah Mayun Susandhiks. (2016). Fungsi, Kategori, Peran Sintaksis Dalam Talk Show One “Indonesia Lawyers Club” di TV One. *Linguistika*. Vol.23 (44).
- Hayati Lateh & Zaharani Ahmad. (2014). Adaptasi Fonologi Kata Pinjaman Thai dalam Dialek Melayu Patani: Analisis Tatatingkat Kekangan. *Jurnal Linguistik*. Vol. 18(2): 1-10.
- Islyas Mahyudin. (2011). Morfologi Kata Kerja Bahasa Melayu Patani. Tesis MA. Universiti Sains Malaysia
- Ismail Bin Dahaman. (2016). *Canggihnya Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Wado (2003). *Struktur Ayat Mudah Bahasa Patani*. Tesis Sarjana. Universiti Brunei Darussalam.
- Kartini Abd. Wahab. (2018). Analisis pembentukan pasif semu bahasa Melayu dalam kerangka generatif. *Jurnal Melayu*. 17(2): 277-298

- Manoong Laesoh. (1990). *Ayat Tunggal Dialek Melayu Patani: Satu Analisis Transformasi-Generatif*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Maslida Yusof. (2015). *Perkaitan Semantik-Sintaksis Kata Kerja dengan Preposisi Bahasa Melayu* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norizan binti Che Su. (2018). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing. *Jurnal Linguistik*. Vol. 22 (2): 10-19.
- Norhazila Mohd Hamid. (2013). Aspek Sintaksis Bahasa Melayu: Satu Analisis Berdasarkan Teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan (Role and Reference Grammar). Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nomoto.H.& Kartini Abd. Wahab. (2016). Tipe Di-Pasif pada Teks Klasik Melayu. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam kongres Internasional Masyarakat Linguistik Indonesia (KIMLI) 2016, Universitas Udaya, Denpasar Bali, Indonesia, 24-27 Ogos 2016.
- Pavey, E. (2011). *The Structure of Language An Introduction to Grammatical Analysis*. Cambridge. Cambridge University Press
- Paitoon Masmintra Chaiyanara. (1983). *Dialek Melayu Patani dan Bahasa Malaysia: Satu Kajian Perbandingan dari Segi Fonologi, Morfologi, dan Sintaksis*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Ramli Hj. Salleh. (1995). *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruslan Uthai. (1999). *Etimologi Bahasa Melayu Patani: Sumbur Austroasia dan Tai-Kadai*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Izura Binti Jamaluddin. (2016). *Struktur Sintaksis dan Semantik klausa relatif bahasa Melayu: Analisis Role And Reference Grammar (RRG)*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Van Valin, R. (2005). *Exploring the Syntax-semantics Interface*. The State University of New York. University at Buffalo.
- Van Valin, R & LaPolla, R. (1997). *Syntax: structure, meaning and function*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Van Valin, R & LaPolla, R. (2005). *Exploring the syntax-semantics interface*. New York: Cambridge University Press.

Biodata Penulis

Suhaila Binsamaae, Calon Doktor Falsafah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti kebangsaan Malaysia

Maslida Yusof, PhD, Profesor Madya di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti kebangsaan Malaysia. Pengkhususan dalam Semantik dan Pragmatik.

Kartini Abd. Wahab, PhD. Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti kebangsaan Malaysia. Pengkhususan dalam Sintaksis.